

11 MAY 1999

MIER-INISIATIF

MIER GESA ADAKAN INISIATIF SERANTAU ATASI KRISI ASEAN

Oleh: Mahesh Prasad

NEW DELHI, 11 Mei (Bernama) -- Inisiatif serantau diperlukan untuk mengatasi krisis ekonomi yang dihadapi Asia Timur, kata Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia Dr Mohammad Ariff.

Bercakap mengenai "Krisis Kewangan dan Pembentukan Semula Ekonomi Malaysia: Arah Aliran dan Isu-isu" di syarahan orang ternama India-Asean yang ke lapan di sini semalam, Dr Ariff berkata pelabur-pelabur asing akan menjauhkan diri dari Malaysia meskipun reformasi ekonomi dalam negeri telahpun dilaksanakan selagi ekonomi negara-negara di rantau ini teruk dilanda masalah.

Inisiatif sertantauan, katanya, oleh itu diperlukan untuk melengkapi inisiatif kebangsaan dan ia seharusnya dilanjutkan ke Asean hingga ke Apec (Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik) dan ke India.

Dr Ariff berkata kerjasama akan lebih berjaya jika dilaksanakan serentak di kesemua negara yang terjejas jika ia diselaraskan agar pendorong dari sesebuah negara akan memperkuatkan lagi negara-negara yang lain.

Kempen-kempen kebangsaan seperti "Beli Buatan Malaysia" daripada pengimportan, katanya tidaklah seproduktif kerana ia tidak membantu rantau ini secara menyeluruh.

Sebagai contoh, Malaysia seharusnya mampu membantu ekonomi Indonesia dengan mengguna lebih banyak barangan Indonesia, yang sebaliknya akan meningkatkan import oleh Indonesia dari Malaysia.

Adalah lebih bermakna mengamalkan apa yang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering memperkatakan tentang dasar "memakmurkan jiran anda" dan bukannya "mempapakan jiran anda."

Dr Ariff juga berkata India adalah negara membangun yang penting dan boleh menjadi sumber import teknologi dan tenaga pekerja mahir untuk memperhebatkan lagi penyusunan semula perindustrian Malaysia. India mempunyai kemampuan untuk membantu Malaysia dan negara-negara Asean dalam usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) manakala Malaysia pula mempunyai teknologi terkini dalam sektor komoditi untuk berkongsi sama dengan India.

"Dalam masa yang sama India bolehlah bertindak balas memandangkan terdapat bidang yang luas bagi pemindahan teknologi perisian komputer dan kerjasama, terutamanya dalam perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat (IT) dari India ke Malaysia dalam konteks inisiatif MSC (koridor raya multimedia) Malaysia," kata Dr Ariff.

Katanya Malaysia dan India seharusnya menerokai kemungkinan mengadakan perdagangan dua hala dalam menggunakan matawang sendiri.

Malaysia boleh menjadi pintu masuk bagi eksport India ke rantau Asean sama juga India boleh menjadi pintu masuk untuk eksport Malaysia ke rantau AARC (Persatuan Asia Selatan bagi Kerjasama Serantau), katanya.

-- BERNAMA

MP MA